

24/11/1998

(Malaysian International Shipping Corporation Bhd)

MALAYSIAN International Shipping Corporation Bhd (MISC), syarikat perkapalan utama negara, akan dijemput oleh kerajaan untuk menyertai syarikat pengantara nasional yang dicadangkan, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, semalam.

Kementerian sedang berbincang dengan banyak syarikat perkapalan untuk mendapat reaksi mengenai cadangan itu, katanya selepas membuka pameran kereta di Kuala Lumpur.

"Kami memberitahu idea ini (kepada mereka). Saya sudah berbincang dengan banyak syarikat perkapalan dan kita mempunyai pelbagai pilihan. Jadi perbincangan sedang diadakan dengan syarikat pengantara mengenai sama ada kita mahukan usaha sama atau sama ada kita mempunyai pilihan lain," katanya.

Penubuhan syarikat pengantara pertama kali disuarakan pada satu dialog dengan pengguna pelabuhan yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bulan lalu. Cadangan itu sudah diterima oleh Kabinet.

(END)